

**MAHATHIR-REKREASI**

1984

**KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMAJUKAN SATU KAWASAN SELUAS 2,000 HEKTAR DI SUNGAI BESI DEKAT SINI SEBAGAI SEBUAH KOMPLEKS REKREASI LENGKAP DENGAN BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.**

**KOMPLEKS TERSEBUT YANG AKAN DIBANGUNKAN PERINGKAT-PERINGKAT DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH 15 TAHUN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PROJEK PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA BERTERANGA \$480 JUTA YANG SEDIA DIBANGUNKAN DI SINI.**

**PERDANA MENTERI BERKATA KOMPLEKS REKREASI ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA KERAJAAN UNTUK MEMESATKAN INDUSTRI PELANCONGAN.**

**KOMPLEKS TERSEBUT AKAN MEMPUNYAI KEMUDAHAN SEPERTI PERAHU LAYAR, SKI AIR, RENANG DAN GOLF. SEBUAH STADIUM MUNGKIN JUGA DIDIRIKAN, KATANYA.**

**SEKTOR SWASTA AKAN DIAJAK MENGAMBIL BAHAGIAN MEMBANGUNKAN KOMPLEKS TERSEBUT DAN KERAJAAN AKAN MEMBERI BANTUAN DENGAN PELEPASAN CUKAI DAN SEBAGAINYA. --LAGI 1726/AJ  
MAHATHIR-REKREASI 2 KUALA LUMPUR**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BETAPA PERLU DISEDIAKAN BANYAK LAGI KEMUDAHAN BAGI MENGGALAKKAN PELANCONGAN DI KALANGAN PENDUDUK TEMPATAN DENGAN MENGADAKAN PUSAT-PUSAT REKREASI SEPERTI ITU.**

**BAGI PELANCONG ASING, KATANYA MASJID, KUIL, PASAR MALAM, PENJAJA DAN JUGA TAMAN NEGARA MENJADI TARIKAN TETAPI TIDAK DEMIKIAN BAGI PENDUDUK TEMPATAN.**

**UNTUK MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI RAKYAT MELANCONG DALAM NEGARA SENDIRI, KERAJAAN SEDANG MENIMBANG KEMUNGKINAN MEMPERKENALKAN KADAR TAMBANG MURAH UNTUK PERJALANAN TEMPATAN, KATANYA.**

**KERAJAAN TIDAK DERJANJIA APA-APATETAPI AKAN BERUSAHA MENGAJAI SAMADA SKIM ITU DAPAT DILAKSANAKAN.**

**PERDANA MENTERI MENGULANGI SERUANNYA TENTANG PERLU NYA KADAR HOTEL DI MALAYSIA DITURUNKAN SUPAYA LEBIH BERSAING DENGAN HOTEL-HOTEL DI NEGARA JIRAN SEPERTI SINGAPURA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG. --LAGI 1930/AJ**

**MAHATHIR-REKREASI 3 KUALA LUMPUR**

BAGAIMANAPUN PENGURANGAN KADAR BILIK HOTEL SAHAJA TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG, KATANYA.

YANG PERLU JUGA DITEKANKAN MENURUT PERDANA MENTERI LAGI IALAH LAYANAN, PERKHIDMATAN, KEJUJURAN DAN JUGA KEBERSIHAN BANDAR.

SEGALA PERKARA ITU PERLU DIBERI PERHATIAN SEKIRANYA MALAYSIA INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI PELANCONG MELAWAT NEGARA INI, TEGASNYA.

MENGENAI PROJEK TERSEBUT, DATU SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN PUAS HATI KENAJUANNYA YANG DIJANGKA SIAP MENURUT JADUAL MENJELANG SEPTEMBER TAHUN DEPAN.

KOMPLEKS IBU PEJABAT UMNO MALAYSIA ITU DIBANGUNKAN DI TAPAK SELUAS LIMA HEKTR DI JALAN TUN ISMAIL MENGANDUNGI SEBUAH MENARA PEJABAT, PUSAT PERSIDANGAN, PUSAT PAMERAN DAN HOTEL PAN PACIFIC.

HOTEL 600-BILIK MILIK SERI PACIFIC CORPORATION SDN BERHAD -- SYARIKAT USAHASANA ANTARA UMNO, SEIRING SENDIRIAN BERHAD, MAS, TOKYU INTERNATIONAL.--LAGI 2007/AJ

ZCZC 0664

**MAHATHIR-REKREASI 4 KUALA LUMPUR**

DATU SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH SELAKU Pengerusi Jawatankuasa Bangunan Kompleks UMNO MENGHABISKAN KIRA-KIRA SATU SETENGAH JAN MELAWAT BEBERAPA BAHAGIAN KOMPLEKS YANG SEDANG DIBANGUNKAN ITU.

Pengerusi Seri Pacific Corporation Datuk Abdul Rahxm Rahman dalam ucapannya mengalu-alukan Perdana Menteri berkata pihaknya yakin kompleks tersebut termasuk hotelnya akan siap untuk digunakan mulai Oktober tahun depan.

Katanya kegiatan pemasaran pusat tersebut dilauncarkan sejak bulan Disember lalu dan setakat ini 31 tempahan pasti dibuat sehingga 1987.

Antara persidangan besar yang akan diadakan di pusat tersebut ialah konvensyen Majlis Petroleum ASEAN (ASCOPE) yang, PETRONAS akan bertindak sebagai tuan rumah pada bulan November tahun depan dan sidang pata dalam tahun 1986.

Pusat tersebut mempunyai sebuah Dewan Besar yang dapat menampung 6,000 orang selain dua buah dewan untuk 1,000 orang serta 13 bilik mesyuarat yang masing-masing mampu menampung antara 50 hingga 100 orang.

Pusat Dagangan Dunia Putra apabila siap kelak akan menjadi dewan persidangan terbesar di Asia Tenggara.--BERNAMA 2013/AJ